

**PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH**

PERSEPSI PERSONEL TERHADAP CAWANGAN TATATERTIB
POLIS DIRAJA MALAYSIA : SATU KAJIAN
DI KUALA LUMPUR

AMIRUDDIN BIN BISTAMAM

J 0227

DIPLOMA SAINS KEPOLISAN
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UKM / MAKTAB POLIS DIRAJA MALAYSIA
SESI 1991/1992

RUJUKAN SAHAJA

SINOPSIS

Penyelidikan ini ialah mengenai persepsi personel Polis Diraja Malaysia yang berkhidmat di Kuala Lumpur terhadap Cawangan Tatatertib.

Penganalisisan kajian di buat secara bilangan dan peratusan dan mendapati personel mempunyai persepsi negatif dan positif terhadap Cawangan Tatatertib. Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa majoriti personel berpersepsi negatif terhadap Cawangan Tatatertib dan keputusan ini adalah bertepatan dengan hipotesis yang berbunyi 'Personel berpersepsi negatif terhadap Cawangan Tatatertib Polis Diraja Malaysia.'

Responden kajian ialah seramai 200 personel polis yang berpangkat Konstabal sehingga Penguasa Polis yang bertugas di empat daerah polis di Kuala Lumpur iaitu; Daerah Sentul, Daerah Cheras, Daerah Brickfield dan Daerah Dang Wangi. Seramai 50 personel di pilih secara rambang bagi tiap-tiap daerah.

Alat ukuran yang di gunakan ialah berbentuk soalselidik. Sebanyak 20 soalan untuk mengukur persepsi personel telah di kemukakan di samping 18 soalan berkenaan dengan diri responden.

Kajiselidik yang bercorak 'gallop-poll' ini adalah semata-mata untuk mengetahui persepsi personel terhadap Cawangan Tatatertib yang banyak telah di perkatakan umum sama ada tidak memberi kesan atau pun memberi kesan yang negatif terhadap personel. Sebanyak 20 kenyataan bercorak negatif telah di

utarakan kepada responden untuk mereka menjawab 'sangat setuju', 'setuju', 'tidak pasti', 'tidak setuju', atau 'sangat tidak setuju'. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa 70 peratus responden berpersepsi negatif, 27 peratus berpersepsi positif dan 3 peratus 'fence sitters'.

Namun demikian, terdapat satu respon yang memeranjatkan iaitu ; apabila di nyatakan bahawa Cawangan Tatatertib di tubuhkan untuk mencari kesalahan sahaja, sebanyak 50.9 peratus responden tidak setuju dengan kenyataan tersebut, 39.9 peratus bersetuju dan 9.2 peratus tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa personel tidak berpersepsi negatif terhadap penubuhan dan peranan Cawangan Tatatertib. Tetapi mengapakah, pada keseluruhan kajian ini menunjukkan personel berpersepsi negatif?

Kajian ini adalah yang ulung di lakukan dan perkara tatatertib dan penguatkuasaannya dipandang 'sensitif' untuk di bahaskan secara umum dan terbuka. Walaupun untuk kajian ini responden telah di beri jaminan bahawa jawapan mereka adalah di rahsiakan dan mereka tidak akan di kenakan apa-apa tindakan, tetapi penulis berpendapat terdapat responden yang tidak jujur memberi jawapan mereka kerana takutkan implikasinya. Dengan demikian, kebanyakan responden akan 'play safe'.

Boleh di katakan semua responden mengetahui akan peranan Cawangan Tatatertib tetapi ramai yang tidak faham caramana Cawangan Tatatertib melaksanakan peranannya itu. Ketidakhahaman ini menimbulkan persepsi negatif terhadapnya iaitu Cawangan Tatatertib sendiri yang bertindak secara negatif terhadap personel.

Bab I kajian ini menghuraikan objektif pasukan Polis Diraja Malaysia, harapan pasukan kepada personelnya memainkan peranan masing-masing untuk mencapai objektif, kawalan tatatertib, kedudukan tatatertib pasukan dari tempoh tahun 1985 sehingga 1990, tujuan dan bidang kajian, tinjauan kajian lalu, hipotesis dan metodologi penyelidikan.

Bab II pula menerangkan latar belakang Cawangan Tatatertib merangkumi bidang kuasanya, peranan menyeluruh dan peranan bahagian-bahagian pentadbiran/penyiasatan/penguatkuasaan.

Bab III adalah berkaitan dengan latar belakang kawasan kajian iaitu Kontinjen Kuala Lumpur dengan penekanan ke atas Daerah-Daerah Polis Sentul, Cheras, Dang Wangi dan Brickfield. Di samping itu di nyatakan juga kekuatan anggota polis bagi tiap-tiap daerah yang di kaji tersebut.

Bab IV membincangkan data-data yang di terima balik oleh penulis daripada responden-respondennya. Di sini penulis dapat membuat keputusan di atas kajian ini iaitu personel berpersepsi negatif terhadap Cawangan Tatatertib.

Bab V adalah rumusan yang di buat berdasarkan kepada analisis data-data yang di terima. Rumusan telah di buat bahawa persepsi negatif personel bukanlah kerana tidak faham akan peranan Cawangan Tatatertib, tetapi lebih kepada ketidakfahaman atau interpretasi salah terhadap cara Cawangan Tatatertib melaksanakan penyiasatan atau pun penguatkuasaan mereka. Dengan demikian, Cawangan Tatatertib perlu memberi penerangan kepada semua peringkat personel supaya menghindarkan daripada suasana silap faham personel terhadap Cawangan Tatatertib.

Komunikasi secara begitu akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak dan penulis berpendapat personel akan dapat memberikan kerjasama sepenuhnya dalam mengukuhkan tata tertib pasukan. Penulis juga menekankan bahawa tata tertib itu adalah satu aspek latihan yang dapat di bentuk dengan pendekatan pembelajaran. Manusia bukan sahaja belajar daripada persekitarannya tetapi belajar dengan contoh teladan daripada rakan-rakan nya, pemimpin-pemimpinnya dan juga pembelajaran yang formal. Oleh itu, selain daripada teladan dari pemimpin, personel seharusnya di beri pelajaran secara formal dalam bentuk kursus atau pun latihan dalam perkhidmatan yang teratur. Kesemuanya itu adalah untuk mencapai tahap 'self-discipline' supaya tata tertib itu tidak di pandang sebagai 'negative force' tetapi di pandang sebagai

'.... a form of training and an important constructive leadership tool for eliminating weaknesses and preventing their development' O.W. Wilson (1963:173). Dalam pada itu, Cawangan tata tertib hendaklah peka terhadap masalah-masalah yang di hadapi oleh personel di mana adakalanya adalah di luar kawalan mereka. Penguatkuasaan yang terlampau 'rigid' akan membunuh daya usaha personel. Mengikut O.W. Wilson (1963:20); 'The only man who never makes a mistake is the one who never does anything.' Dengan demikian, penguatkuasa-penguatkuasa tata tertib hendaklah menggunakan budi bicara berlandaskan bukan sahaja kepada kesalahan tetapi juga faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kesalahan tersebut.

KANDUNGAN

BAB		Muka Surat
I	PENDAHULUAN	1
	Pengenalan	1
	Permasalahan	6
	Tujuan Kajian	14
	Batasan Kajian	14
	Bidang Kajian	15
	Definisi Istilah	16
	Kajian Lalu	19
	Hipotesis	22
	Metodologi Penyelidikan	22
II	LATAR BELAKANG CAWANGAN TATATERTIB	26
	Peranan Cawangan Tatatertib	29
	Bahagian-Bahagian Cawangan Tatatertib	31
III	LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN	36
	Daerah Polis Dang Wangi	37
	Daerah Polis Sentul	38
	Daerah Polis Cheras	40
	Daerah Polis Bricksfield	41
IV	PENGANALISISAN DATA/PERBINCANGAN	42
	Analisis dan perbincangan	43

v CADANGAN DAN PENUTUP 64

Cadangan 69

Penutup 76

LAMPIRAN-LAMPIRAN

Borang Soalselidik Lampiran 'A'

BIBLIOGRAFI